

PENJAGAAN TIUB

Tiub memerlukan penjagaan rapi.

Batuk berlendir akan menyebabkan tiub treacheostomy tersumbat. Oleh itu, penggunaan mesin untuk menyedut lendir keluar dari tiub perlu dilakukan.

Tiub perlu juga dibersihkan setiap hari supaya lendir tidak menebal di dinding tiub.

Pesakit perlu belajar memasang tiub sendiri dengan menggunakan cermin ataupun dibantu oleh keluarga.

Pesakit juga memerlukan kertas atau tisu untuk membersihkan lendir yang keluar tidak meleleh.

JENIS- JENIS TIUB

Tiub Plastik : Mempunyai jangka hayat tiga hingga lima bulan. Ia digunakan untuk pesakit yang perlu menggunakannya untuk sementara sahaja.


Tiub Perak : Tiub ini tahan lama dan tidak berkarat. Ia mempunyai dua tiub yang boleh dipisahkan dan tiub dalam boleh dicuci setiap hari. Ianya lebih selamat digunakan.



Sebarang masalah sila hubungi :


JABATAN OTORINOLARINGOLOGI,
HOSPITAL MELAKA, JALAN MUFTI
HAJI KHALIL, 75400, MELAKA.

Tel: 06- 2822344



TRACHEOSTOMY

JABATAN
OTORINOLARINGOLOGI,
HOSPITAL MELAKA



TRACHOESTOMY

TRACHEOSTOMY ADALAH TIUB YANG DI MASUKKAN KE TRACHEA UNTUK MEMUDAHKAN PESAKIT BERNAFAS.

SIAPA YANG MENGGUNAKANNYA?

1. PESAKIT SALURAN PERNAFASAN ATAS TERSEKAT AKIBAT KEMALANGAN JALAN RAYA.
2. JANGKITAN KUMAN PADA SALURAN PERNAFASAN ATAS.
3. KANSER TEKAK.
4. PESAKIT YANG MEMERLUKAN BANTUAN PERNAFASAN DALAM TEMPOH YANG LAMA.
5. PARU-PARU BERAIR YANG MEMERLUKAN PEPEMBERSIHAN SETIAP HARI.

Pesakit ini tidak bernafas seperti biasa. Mereka tidak boleh bercakap kerana suara akan keluar melalui tiub tetapi ia boleh dibantu dengan menutup lubang tersebut bagi membolehkan udara masuk ke peti suara semasa bercakap.

Fungsi Tiub Tracheostomy

1. *Memudahkan pesakit bernafas.*
2. *Untuk mengeluarkan lendir yang tersekat didalam paru-paru..*

3. *Membenarkan pembedahan pada mulut dengan lebih selamat.*
4. *Mengantikan Endotracheal tube bagi pesakit koma yang lama.*

KELEMAHAN:

UDARA YANG MASUK KEDALAM PARU-PARU TIDAK DITAPIS DAN DALAM KEADAAN SEJUK. INI BOLEH MENGAKIBATKAN RADANG PARU-PARU DAN MENYEBABKAN KELUAR LENDIR YANG BERLEBIHAN. PESAKIT SERING BATUK-BATUK.KEADAAN INI BIASANYA BERSIFAT SEMENTARA DAN PESAKIT AKAN MENBIASAKAN DIRI ANTARA 2- 3 MINGGU.

Kehidupan pengguna tiub Tracheostomy.

Pengguna masih berpeluang untuk menghidu bau wangi-wangian dengan menggunakan hidung mereka. Walaupun peluang ini rendah, tetapi mereka boleh mencuba fungsi deria bau dengan menutup lubang tiub bagi membolehkan udara ditolak ke hidung.

Selain itu, pesakit wanita masih berpeluang bersalin secara normal. Mereka hanya perlu menutup lubang tiub tracheostomy semasa meneran.

Pesakit dinasihatkan berunding dengan pakar ORL tentang peluang pembedahan untuk mereka kembali kepada kehidupan normal.

MASAALAH YANG DI HADAPI PESAKIT

Malu kerana tiub kelihatan dileher mereka. Bagi lelaki, mereka akan memakai kolar yang tinggi dan wanita akan memakai tudung atau skaf pada leher..

Batuk. Pesakit akan mengalami batuk dan kadang-kadang batuk berlendir.

Suara. Tidak dapat mengeluarkan suara secara normal atau memang tidak boleh bercakap. Pesakit terpaksa menggunakan isyarat tangan atau menulis untuk mengatasi masalah komunikasi ini.

Bau. Tidak boleh menghidu bau-bau wangi.

Tidak mampu mengangkat barang berat. Ini kerana tenaga meneran tidak dapat berfungsi dengan baik.

Jangkitan. Kulit dan paru-paru terdedah pada jangkitan kuman.

Mandi. Pesakit ini mengalami masalah mandi dimana air mudah masuk kedalam paru-paru terutama mandi di laut atau menggunakan pancuran air hujan.